

**Sultan Johor Berangkat Ke Jamuan Teh Bersama Rakyat
Bernama
22 November , 2011**

JOHOR BAHARU, 22 Nov (bernama) -- Sultan Johor Sultan Ibrahim Selasa menghadiri majlis jamuan teh bersama 10,000 rakyat di Dataran Bandaraya di sini sempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda.

Baginda kemudian memotong kek ulang tahun keputeraan dan kek itu kemudian diedar kepada rakyat yang hadir.

Berangkat sama Raja Zarith Sofiah, Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail, bonda baginda, Hajah Khalsom Abdullah dan kerabat diraja lain.

Turut hadir Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri Datin Prof Dr Jamilah Ariffin, Speaker Dewan Negeri Johor Datuk Mohd Ali Hassan, anggota exco kerajaan negeri dan pegawai kerajaan.

Cuaca yang panas tidak menghalang orang ramai menikmati pelbagai juadah termasuk laksa Johor, sate dan murtabak serta mengambil kesempatan bersalaman dengan baginda.

Mimi Suni, 19, dari perkampungan Orang Asli Kampung Bakar Batu, berkata beliau amat gembira kerana berpeluang bertemu kerabat diraja selain membuat persembahan tarian "Ketam Bangkang" dari suku kaum Seletar pada majlis itu.

Nelson Chia, 42, jurutera dari Bukit Indah di sini pula menyifatkan penganjuran jamuan seumpama itu dapat mendekatkan keluarga diraja dan rakyat Johor.

"Saya bangga menjadi rakyat Johor. Saya mendoakan Sultan Johor dan kerabat diraja sentiasa berada dalam keadaan sihat," kata Chia yang datang bersama keluarga.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=628973>